

"TRANSFORMASI KOMUNIKASI DIGITAL: IMPAKNYA DALAM HUBUNGAN SOSIAL"

Nur Aisyah Abu Hassan
Universiti Islam Selangor (UIS)
Email: nuraisyah@uis.edu.my

Aemy Elyani Mat Zain
Universiti Islam Selangor (UIS)
Email: aemyelyani@uis.edu.my

Safinah Ismail
Universiti Islam Selangor (UIS)
Email: safinah@uis.edu.my

Nazneen Ismail
Universiti Islam Selangor (UIS)
Email: nazneen@uis.edu.my

Haslina Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Email: haslina@iium.edu.my

ABSTRAK

Dalam arus perdana kini, komunikasi telah mengalami transformasi dinamik yang mempengaruhi hubungan sosial dengan pelbagai cara. Bahkan komunikasi digital terhadap hubungan sosial, dengan memberi tumpuan kepada platform media sosial, aplikasi mesej segera, dan e-mel. Oleh itu, tujuan penulisan ini adalah untuk mengkaji bagaimana teknologi ini mengubah cara individu berinteraksi, mengekalkan hubungan, dan membina identiti sosial mereka. Metodologi kajian adalah kualitatif merujuk kepada kajian kepustakaan dan seterusnya data tersebut disintesis secara bertema. Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun komunikasi digital memudahkan interaksi secara cepat dan berpotensi meningkatkan hubungan sosial, namun begitu ia juga boleh membawa kepada hubungan yang lebih dangkal dan kurangnya keintiman emosi. Selain itu isu ketagihan teknologi digital dan kebergantungan terhadanya yang kadangkala kadangkala berlebihan ini dilihat sangat serius. Kajian ini menyimpulkan bahawa untuk memaksimumkan manfaat komunikasi digital dalam hubungan sosial, adalah penting untuk mengimbangi penggunaan teknologi dengan interaksi tatap muka dan mengembangkan literasi digital yang kritis. Penemuan ini memberikan wawasan penting bagi individu, pendidik, dan pembuat dasar dalam menguruskan implikasi sosial dari perkembangan komunikasi digital.

Kata kunci: Hubungan sosial, Komunikasi digital, impak

1. Pengenalan

Teknologi merupakan elemen penting dan menjadi wadah dalam interaksi manusia dari zaman berzaman. Kepesatan teknologi bukan sahaja dipengaruhi oleh kompetensi dan pembangunan manusia, bahkan ia seiring dengan komitmen dan keperluan dunia yang semakin meletakkan teknologi sebagai medium yang membantu urusan kehidupan harian manusia (Akar & Topcu, 2011). Oleh kerana penggunaan teknologi yang semakin meningkat, ia menunjukkan peningkatan dalam penggunaan laman media sosial secara atas talian, khususnya dalam tempoh tahun 2000 hingga 2020. Malaysia dicatatkan mengalami peningkatan pengguna media sosial sehingga mencecah 28 juta pengguna media sosial atau 86 peratus daripada penduduk negara ini (Bernama, 2023). Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Datuk Seri Mohammad Mentek berkata statistik itu juga menunjukkan rakyat Malaysia antara yang paling aktif menggunakan media sosial dan bilangan pengguna meningkat sebanyak dua juta atau tujuh peratus dalam tempoh setahun dari tahun 2020.

Platform dan teknologi yang disediakan banyak menyentuh dan berkait dengan laman hubungan sosial dan interaksi antara masyarakat (Kang, 2014). Jika pada 10 tahun dahulu, anak-anak muda cenderung membuka laman media sosial seperti Friendster, MySpace, Blogspot, namun kini budaya tersebut telah beralih ke platform media sosial lain seperti Facebook, Instagram, Twitter, TikTok dan sebagainya. Harga telefon pintar yang semakin mampu milik menyebabkan ramai individu sudah mula memiliki akaun media sosial, termasuk golongan kanak-kanak, remaja, hingga warga tua. Hubungan sosial juga mengalami perubahan yang sangat besar setelah badai Covid 19 melanda seluruh dunia. Perubahan ini menyebabkan kesan yang sangat dinamik kepada interaksi sosial yang sedia ada. Sistem komunikasi berubah daripada secara fizikal kepada secara maya dan perubahan ini berterusan walaupun selepas badai Covid 19 ini telah berakhir. Tambahan dengan perkembangan pesat dalam teknologi digital menjadikan pelbagai rangkaian komunikasi digital semakin aktif. Kini masyarakat dilihat lebih selesa menggunakan komunikasi digital sebagai alat perhubungan dalam mengeratkan dan meluaskan hubungan sosial masing-masing. Namun adakah hubungan sosial atau interaksi sosial yang berlaku ini wajar dan memberikan kesan yang positif atau perubahan yang berlaku akan memberikan impak negatif terhadap perkembangan interaksi sosial yang sedia ada.

2. Metodologi kajian

Pendekatan kualitatif digunakan untuk artikel ini. Kualitatif bermaksud sesuatu yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan berasaskan kuantiti (bersifat kuantitatif) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Perbezaan penting antara kajian kualitatif dan kuantitatif ialah kandungan kajian kualitatif berasaskan perkataan manakala kajian kuantitatif pula menggunakan nombor. Kajian perpustakaan yang digunakan dalam penyelidikan ini lebih menekankan kepada kajian literatur daripada sumber sekunder daripada penulisan artikel-artikel lepas dan terkini mengenai tajuk yang berkaitan dengan kajian ini.

3. Perbincangan

3.1 Hubungan sosial

Hubungan sosial merujuk kepada interaksi dan ikatan yang terbentuk antara individu atau kumpulan dalam masyarakat. Ia melibatkan pertukaran emosi, maklumat, dan sumber-sumber lain yang mempengaruhi tindakan dan tingkah laku individu atau kumpulan tersebut. Hubungan sosial boleh terbentuk melalui pelbagai bentuk interaksi seperti perbualan, kerjasama, konflik, atau sokongan, dan ia boleh berbeza dalam intensiti dan durasi. Faktor seperti budaya, norma sosial, dan peranan sosial turut mempengaruhi bagaimana hubungan ini dibentuk dan dipelihara.

Dalam kajian sosiologi dan antropologi, hubungan sosial dikaji untuk memahami struktur sosial, jaringan sosial, dan dinamika yang mempengaruhi kesejahteraan individu serta kohesi sosial dalam masyarakat. Maka apabila berlaku interaksi sosial di kalangan individu menyebabkan hubungan sosial akan terjalin dengan sendiri. Hasil daripada interaksi sosial maka berlakulah proses komunikasi sesama individu dan masyarakat yang menghasilkan pelbagai bentuk hubungan sosial. Aktiviti komunikasi terjadi apabila manusia berinteraksi sesama individu sehinggakan komunikasi ini memberi kesan kepada hubungan sosial masyarakat.

3.2 Komunikasi digital

Komunikasi adalah sangat penting dalam perkembangan sesuatu masyarakat. Komunikasi merupakan suatu cara menyampaikan maklumat kepada orang lain menggunakan media tertentu sehingga maksud dan tujuan diantara keduanya difahami. Komunikasi terjadi sewaktu penutur

bermaksud mengutarakan apa maklumat yang dikehendaki kepada pendengar untuk mencapai tujuan tertentu. Proses komunikasi dapat dilakukan secara langsung (memungkinkan maklumbalas dari pendengar secara langsung) juga secara tak langsung (tidak memungkinkan maklumbalas asal pendengar secara eksklusif)(2016).

Kemajuan teknologi informasi dan komunikasi mengakibatkan proses komunikasi tidak hanya berlangsung secara bersemuka saja, tetapi proses komunikasi kini dapat berlaku secara maya walaupun berbeza tempat dan masa. Komunikasi digital adalah proses pertukaran informasi, gagasan, dan pesan melalui media digital atau teknologi digital (Berelson& Steiner). Ini mencakupi segala bentuk komunikasi yang menggunakan perangkat elektronik seperti komputer, smartphone, tablet, dan internet untuk mengirim, menerima, dan berbagi informasi. Komunikasi digital juga merujuk kepada pertukaran maklumat dan idea melalui platform dan alat digital, seperti internet, media sosial, aplikasi pesanan ringkas, dan emel. Ia melibatkan penggunaan teknologi digital untuk menghantar, menerima, dan memproses mesej dalam bentuk teks, audio, video, atau grafik. Komunikasi ini memudahkan interaksi tanpa batasan geografi dan masa, membolehkan individu dan organisasi berhubung dengan lebih pantas dan berkesan.

Komunikasi digital sering kali menggunakan pelbagai medium seperti:

1. Media Sosial: Platform seperti Facebook, Twitter, Instagram, dan LinkedIn.
2. Emel: Penghantaran mesej teks secara elektronik melalui internet.
3. Aplikasi Pesanan Ringkas: Aplikasi seperti WhatsApp, Telegram, dan Messenger.
4. Persidangan Video: Perkhidmatan seperti Zoom, Microsoft Teams, dan Google Meet.
5. Blog dan Laman Web: Penyebaran maklumat melalui penulisan di blog dan laman web.

Komunikasi dan interaksi jarak jauh kini dapat terjalin dengan adanya media teknologi audio visual sehingga pertemuan secara maya seperti pertemuan secara langsung Dalam hal ini, hampir seluruh pekerjaan dan aktiviti manusia dibantu dengan adanya kecanggihan teknologi informasi dan komunikasi. Penggunaan komunikasi digital kini sebagai komunikasi yang praktikal, fleksibel, dan murah.

Dalam konteks moden, komunikasi digital telah menjadi semakin penting dengan berkembangnya teknologi informasi dan komunikasi. Ini mempengaruhi cara kita berinteraksi, berkomunikasi, dan berkongsi informasi dengan orang lain. Komunikasi digital juga salah satu bahagian daripada perkembangan media baru. Media Baharu iaitu merujuk kepada media interaktif atau multimedia serta tidak menghadapi apa juga sekatan ke atas transmisi yang melampaui jarak dan waktu. Menurut Ruzian et al., (2019), media baharu merupakan platform pendidikan yang unik dan fleksibel dalam penyampaian ilmu secara berkesan.

Komunikasi digital dilihat telah mengubah cara kita berinteraksi, menjalankan perniagaan, dan menyebarkan maklumat, menjadikannya komponen penting dalam kehidupan seharian dan pelbagai sektor industri.

4. Pengaruh komunikasi terhadap hubungan sosial

4.1 Impak penggunaan Media Sosial kepada Masyarakat Malaysia

Dalam penulisan Muhammad Adil Fikri mengenai kesan media sosial kepada masyarakat (2023) menyatakan media sosial juga dapat memudahkan segala urusan masyarakat sama ada urusan peribadi mahupun urusan pekerjaan. Walau bagaimanapun, kewujudannya juga mampu memberi ancaman kepada masyarakat sekiranya disalahgunakan seperti jenayah siber, provokasi, fitnah dan sebagainya.

Di Malaysia, penggunaan media sosial bukanlah sesuatu yang baharu, malah bilangan pengguna media sosial semakin meningkat dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Data Reportal: Global Digital Insight (2023), penggunaan media sosial di Malaysia setakat Januari 2023 adalah seramai 26.8 juta iaitu 78.5 % daripada jumlah penduduk. Berdasarkan statistik tersebut, antara media sosial yang mencatatkan penggunaan jumlah tertinggi adalah Whatsapp, Facebook dan Instagram.

Faktor penggunaan media sosial berdasarkan kajian 2023 ialah rangkaian sosial yang luas, komunikasi dan interaksi, pencarian dan perkongsian maklumat dan hiburan. Terdapat impak positif dan negatif daripada penggunaan media sosial yang juga salah alat satu komunikasi digital.

Impak positif

Antara impak positif ialah media sosial menjadi satu medium komunikasi dalam talian yang dikhaskan untuk interaksi, kolaborasi, input berasaskan komuniti, dan perkongsian kandungan (Shahrul Nazmi et al., 2019). Oleh itu, masyarakat dapat memperoleh maklumat yang sahih daripada kerajaan dengan lebih tepat dan pantas. Perhubungan antara rakyat dan pemerintah juga tidak terlalu jauh. Menurut Syahrudin et al., (2023), media sosial memiliki dampak yang sangat besar terhadap tingkah laku seseorang. Media sosial telah banyak mengubah paradigma, prinsip dan pola pemikiran masyarakat khususnya generasi muda. Ia meningkatkan komunikasi dan jaringan sosial dengan membolehkan individu mengekalkan hubungan dengan keluarga dan rakan-rakan, walaupun berada jauh. Media sosial juga memudahkan pembentukan komuniti berdasarkan minat yang sama, seperti kumpulan sokongan (2017).

Selain itu, media sosial juga merupakan antara medium dakwah dan maklumat kepada masyarakat yang berkesan. Hal ini kerana penggunaan media sosial yang tinggi di segenap lapisan masyarakat menunjukkan penyampaian maklumat akan lebih mudah disampaikan dan lebih pantas. Kewujudan media sosial menjadikan dakwah pada era ini tanpa batasan dan mampu disebar tanpa sempadan lokasi, masa dan lapisan masyarakat. Malah dakwah dikalangan generasi muda juga mendapat maklum balas yang positif kerana golongan ini menggunakan Facebook, Instagram dan TikTok sebagai pelengkap interaksi sosial. Tambahan pula, dakwah melalui media sosial dikatakan cukup efektif kerana tidak terbatasi oleh masa, tempat, keadaan dan situasi (Noradilah et al., 2019). Dalam konteks demokrasi dan keterlibatan awam, media sosial menyediakan platform untuk suara-suara yang mungkin tidak didengari dalam media tradisional, membolehkan penyertaan lebih luas dalam perbincangan awam dan politik. Ia juga memudahkan kempen kesedaran sosial dan politik, serta mobilisasi sokongan untuk pelbagai isu melalui petisyen dan pergerakan dalam talian.(2014)

Media sosial juga digunakan dalam proses pembelajaran. Perkembangan pesat dalam teknologi menjadikan pencarian maklumat sangat mudah. Tambahan dengan kewujudan media sosial yang kini menawarkan pelbagai maklumat kepada pelajar sekolah dan university. Muhammad Musyrif et al., (2023) menyatakan bahawa ramai pelajar menggunakan platform Youtube untuk pelbagai tujuan

pembelajaran termasuklah mengemukakan persoalan, memperoleh pengetahuan dan menggunakannya dalam sesi pembelajaran. Selain daripada itu terdapat banyak bahan kini yang berupa ebook dan artikel yang boleh didapati di laman web. Hal ini menjimatkan masa dan mudah kerana tidak perlu ke kedai buku bagi mendapatkan bahan bacaan. Selain itu, media sosial menyumbang kepada penyebaran maklumat dan pendidikan. Ia memberi akses mudah kepada pelbagai jenis maklumat dan berita terkini, meningkatkan kesedaran tentang isu-isu semasa.

Penggunaan media sosial juga mendorong pengembangan ekonomi dan perniagaan. Usahawan kecil dan sederhana boleh mempromosikan produk mereka dengan kos rendah melalui media sosial, membantu mereka mencapai pasaran yang lebih luas. Media sosial memudahkan penjualan dalam talian melalui platform e-dagang dan promosi produk, serta membolehkan hubungan langsung antara penjual dan pelanggan (2016). Dari segi inovasi dan kreativiti, media sosial menggalakkan penghasilan kandungan seperti video, gambar, dan artikel. Platform seperti Instagram, TikTok, dan YouTube mendorong individu untuk berkekrativiti, serta membolehkan bakat baru ditemui dan diiktiraf, membuka peluang dalam bidang seperti muzik, seni, dan penulisan (2015).

Akhir sekali, media sosial juga memberikan sokongan kepada kesihatan mental dan emosi. Menurut Yusof, N. A., & Ismail, R. (2019) kumpulan sokongan dalam talian dan forum membolehkan individu berkongsi pengalaman dan mendapatkan sokongan emosi. Kempen kesedaran kesihatan mental melalui media sosial membantu mengurangkan stigma dan mempromosikan kesejahteraan mental.

Secara keseluruhan, media sosial membawa banyak kesan positif kepada masyarakat Malaysia dalam aspek komunikasi, penyebaran maklumat, keterlibatan awam, pertumbuhan ekonomi, inovasi, dan sokongan kesihatan mental. Walau bagaimanapun, penggunaan bijak adalah penting untuk meminimumkan kesan negatif yang mungkin timbul.

Impak negatif

Penggunaan media sosial dalam masyarakat Malaysia juga mempunyai beberapa kesan negatif yang perlu diambil perhatian. Antara kesan negatif yang berlaku ialah terhadap kesihatan fizikal dan mental. Kesan ini berlaku akibat terlalu menghabiskan banyak masa di hadapan peranti sehingga tidak melakukan aktiviti luar dan menghabiskan banyak masa di dalam rumah. Antara masalah kesihatan fizikal yang sering berlaku ialah masalah obesity. Masalah obesity dan kegemukan ini menyerang kanak-kanak dan juga remaja (Nurhamizah & Absah, 2019). Selain itu, penggunaan media sosial yang terlalu lama dalam sehari boleh mendatangkan kesan negatif terhadap kesihatan badan seperti insomnia dan kelesuan gangguan psikologi seperti tidak dapat mengawal stress dan keresahan (Arwanysah et al., 2023). Ia juga boleh menyebabkan ketagihan dan kehilangan masa yang berharga. Ramai individu menghabiskan terlalu banyak masa melayari media sosial, yang boleh mengurangkan produktiviti dan menyebabkan pengabaian tanggungjawab harian. Pantulan cahaya daripada skrin gajet tersebut akan menyebabkan urat saraf terganggu serta menjejaskan kesihatan mata sehingga menyebabkan rabun. Faktor kekurangan waktu tidur akan mengganggu proses tumbesaran anak-anak serta menjejaskan perkembangan fizikal dan pertumbuhan tubuh badan mereka (Naquiah et al., 2018).

Selain itu, media sosial sering kali menjadi platform untuk penyebaran maklumat palsu dan berita tidak sahih. Ini boleh menyebabkan kekeliruan dan panik dalam kalangan masyarakat, serta menjejaskan kepercayaan terhadap sumber maklumat yang sah (2020). Menurut Ibrahim, R. (2019). dalam artikel yang bertajuk *“The Role of Social Media in Political Conflicts: The Malaysian Experience”* media sosial dikatakan boleh mempolarisasi pandangan dan memperburuk ketegangan sosial. Kumpulan-kumpulan dengan ideologi yang berbeza mungkin menggunakan media sosial untuk menyebarkan propaganda dan mencetuskan konflik, yang boleh mengganggu keharmonian

sosial. Dalam aspek sosial, penggunaan media sosial yang berlebihan boleh mengurangkan interaksi sosial bersemuka. Ini boleh menjejaskan kemahiran komunikasi interpersonal dan mengurangkan kualiti hubungan antara individu dalam kehidupan sebenar.

Selain daripada masalah kesihatan, masalah yang sangat kritikal yang perlu diambil berat ialah masalah gejala sosial yang meningkat terutama di kalangan remaja. Ini kerana media sosial banyak memaparkan gambar tidak sopan dan budaya baru yang menjadi ikutan dalam kalangan masyarakat masa kini (Nurul Afiza et al., 2019). Fenomena melihat gambar atau video ponografi dan tidak sopan sering muncul di media sosial milik pengguna sehingga mereka terpengaruh untuk melihat tayangan tersebut dengan lebih lanjut (Mega Ardina, 2021). Hal ini juga membawa kepada ketagihan dan keruntuhan akhlak sehingga menyebabkan mereka terlibat dalam seks bebas. Kebebasan dunia siber ini menyebabkan isu keruntuhan nilai kemanusiaan dan moral masyarakat kerana terdedah kepada pelbagai sumber dan bahan yang tidak bermoral seperti bahan lucah, keganasan dan sebagainya (Nur Sarida & Ahmad Rizal, 2022).

Di samping itu juga, penggunaan secara aktif media sosial membuka ruang kepada ancaman dan jenayah siber untuk berlaku. Antara jenayah siber yang berlaku ialah buli siber, kecurian data peribadi, intipan siber, love scam, pornografi, E-Mel Phising dan penipuan secara atas talian atau scammer. Jenayah siber ini menimbulkan panik dan ketakutan di kalangan mangsa yang terlibat. Sebagai contoh buli siber yang menyebabkan ketakutan dan hilang keyakinan diri di kalangan mangsa yang akhirnya membawa kepada masalah yang lebih besar seperti tekanan perasaan dan masalah mental lain. Kes penipuan atau scammer menjadi lebih serius akibat pendedahan maklumat yang terlalu banyak dalam media sosial. Kes penipuan adalah kes tertinggi di mana kes pembelian dalam talian mencatatkan 246 kes dan menunjukkan peningkatan sebanyak 155 kes berbanding hanya 27 kes yang sama tahun lalu (Harian Metro, 2023, 13 Februari).

Aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) 2021 mencatatkan sejumlah 24,435 aduan daripada orang ramai. Sebilangan besar kes yang dilaporkan adalah berkaitan dengan kandungan palsu, komen menyinggung atau jelik, kandungan lucah, fitnah dan pemerasan seksual. Hal ini membuktikan jika pengguna media sosial tidak mengambil perhatian terhadap penggunaan media sosial mereka akan terdedah kepada jenayah siber.

Secara keseluruhan, walaupun media sosial membawa banyak manfaat, ia juga mempunyai kesan negatif yang signifikan terhadap masyarakat Malaysia. Penggunaan yang bijak dan bertanggungjawab adalah penting untuk meminimumkan risiko ini dan memastikan media sosial digunakan dengan cara yang positif dan konstruktif.

4.2. Teknologi dan Media Sosial dalam komunikasi Ibu Bapa dan anak-anak

Dalam hubungan sosial yang melibatkan keluarga terdapat impak yang memberi kesan terhadap komunikasi dalam keluarga. Komunikasi yang wujud dalam keluarga ialah komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan. Komunikasi lisan yang positif akan membentuk karakter anak-anak untuk menjadi lebih yakin dalam menyatakan pendapat dan meluahkan masalah manakala anak-anak yang mempunyai masalah dalam komunikasi akan terdedah kepada masalah juvana, mental, tertekan dan sangat emosional. Hal ini kerana seiring dengan pertambahan usia remaja akan terdedah dengan pengaruh rakan dan persekitaran. Oleh itu, komunikasi dua hala sangat penting dalam sesebuah keluarga untuk membolehkan anak-anak mengetahui peraturan dalam hubungan sosial termasuklah dari aspek tingkah laku dan sifat peribadi yang akan membawa kepada pembentukan identiti dalam diri mereka (Ika Destiana, Ali Salman & Mohd Helmi, 2013).

Dalam kajian yang ditulis Nurhamizah Hashim dan Asbah Razli 2019 memperlihatkan kesan penggunaan media sosial terhadap hubungan kekeluargaan. Golongan remaja lebih cenderung menghabiskan masa melayari internet, bermain online game berbanding menghabiskan masa berinteraksi bersama keluarga. Hal ini menyebabkan kualiti masa bersama ibu bapa semakin rendah. Kajian ini juga berkongsi kesan daripada sudut kesihatan, interaksi sosial, pengurusan kewangan dan akademik. Kecanggihan teknologi dan komunikasi digital membolehkan pelajar mengakses maklumat dengan lebih mudah. Perkembangan ilmu juga dapat disebarkan dengan pantas. Banyak bahan yang berunsurkan e-book, artikel online, tesis online yang dapat dilayari sebagai bahan bacaan tambahan. Namun pendedahan yang berterusan dalam penggunaan internet atau sebarang media baharu akan menyebabkan waktu pembelajaran dan mengulangkaji akan terjejas. Pelbagai aplikasi yang terdapat dalam media sosial atau gadget lebih menarik perhatian daripada buku atau bahan pembelajaran. Antara aplikasi yang sangat menjadi trend remaja masa kini ialah Facebook, Instagram, Twitter, Skype, blog, forum dan sebagainya.

Daripada sudut perhubungan atau interaksi sosial juga akan berlaku perubahan kerana mereka hanya akan berminat berinteraksi secara alam maya dan bukan secara bersemuka. Hal ini kerana hanya menggunakan aplikasi mereka tidak perlu bersusah payah untuk berjumpa. Namun lama kelamaan sifat anti-sosial atau introvert akan mula terbentuk di kalangan remaja yang menyebabkan perkembangan sosial akan menjadi semakin kurang.

4.3 Penggunaan laman sosial dan kesannya terhadap hubungan persahabatan

Penulisan daripada Siti Ezaleila (2016) yang mengkaji kesan daripada penggunaan laman sosial dalam aspek persahabatan. Persahabatan merupakan salah satu hubungan sosial yang menerima kesan hasil daripada penggunaan komunikasi digital. Media sosial yang juga salah satu laman sosial yang ada menjadi tempat atau medium untuk orang ramai berkumpul dan berinteraksi tanpa mengira status sosial dan kedudukan. Malah medium ini lebih bebas kerana tidak terikat dengan tanggungjawab untuk menerima atau menolak persahabatan. Boyd (2006) berpendapat bahawa konsep persahabatan dan hubungan peribadi yang berubah dan baru menyebabkan munculnya hubungan baru seperti "friendster", kawan yang dipanggil dalam konteks laman rangkaian sosial sahaja.

Hubungan persahabatan yang terbentuk dalam laman sosial berdasarkan profil setiap penggunaanya. Melalui profil maka pengguna akan mengetahui maklumat pengguna lain secara lebih terperinci seperti minat dan kehidupan sosial seseorang. Teknik "persahabatan" ini membolehkan pengguna membina hubungan baru dan membolehkan interaksi sosial dilakukan dengan mudah, terutamanya apabila mereka percaya bahawa mereka mempunyai suatu persamaan. Menurut Yang, Brown dan Baun (2014), pembangunan hubungan atau persahabatan akan disusuli dengan media lain (pesanan segera dan telefon) apabila hubungan yang terbina berkembang.

Berdasarkan tinjauan yang dibuat hampir separuh daripada jumlah keseluruhan responden yang mengenali sahabat menerusi jaringan sosial menghadkan persahabatan itu di dalam talian sahaja dan tidak melanjutkan perkenalan di luar talian. Ini menunjukkan bahawa jaringan sosial dalam talian digunakan sebagai alat dan tempat alternatif bagi berhubungan dengan sesiapa sahaja, termasuk dengan orang asing. Malah ramai juga yang pernah terputus hubungan membuang sahabat dalam talian mereka. Hal ni berlaku kerana jaringan sosial ini dilihat sebagai "tempat ketiga" yang hanya sekadar tempat awam yang tidak terikat dengan tanggungjawab atau komitmen. Kepada yang memilih untuk mengakhiri persahabatan pula atas sebab-sebab sikap yang kurang menyenangkan kerana menggunakan bahasa tidak senonoh dan tidak sopan, pengaruh buruk, dan gangguan seksual. Ini menunjukkan bahawa persahabatan di laman rangkaian sosial kadang-kadang mewujudkan hubungan yang lemah.

5. Kesimpulan

Transformasi komunikasi digital telah membawa perubahan yang signifikan dalam cara individu dan masyarakat berinteraksi, dengan impak yang meluas dalam hubungan sosial. Media sosial dan platform komunikasi digital telah mempermudah penyebaran maklumat, memperkukuh hubungan interpersonal, dan mempercepatkan penyampaian berita. Ia telah membuka ruang untuk keterlibatan awam yang lebih besar dan memberi peluang kepada perniagaan kecil dan sederhana untuk berkembang melalui pemasaran digital yang berkesan.

Walau bagaimanapun, kesan negatif juga tidak boleh diabaikan. Ketagihan kepada media sosial, penyebaran maklumat palsu, dan risiko kepada kesihatan mental adalah antara isu utama yang timbul. Interaksi bersemuka yang berkurangan dan ancaman keselamatan siber juga menjadi kebimbangan yang perlu diatasi. Polarisasi sosial dan politik yang dipengaruhi oleh propaganda dan berita berat sebelah juga boleh mengganggu keharmonian masyarakat.

Secara keseluruhan, transformasi komunikasi digital telah mengubah landskap sosial dengan cara yang kompleks. Untuk menggunakan manfaatnya secara maksimum dan meminimumkan kesan negatif, pendekatan yang seimbang dan penggunaan yang bijak serta bertanggungjawab adalah kritikal. Masyarakat dan individu perlu diberi kesedaran tentang risiko dan cara untuk menggunakan teknologi digital dengan selamat dan beretika. Penyelidikan lanjut dan polisi yang berkesan juga perlu dibangunkan untuk menangani cabaran yang timbul dan memastikan komunikasi digital terus memberikan manfaat kepada hubungan sosial dalam jangka panjang.

6. Penghargaan

Ini merupakan satu daripada hasil penyelidikan bagi Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS (GPIU) di bawah projek bertajuk 'Analisis Keperluan Dan Panduan Pelaksanaan Aplikasi Digital Terhadap Toleransi Antara Agama Di Malaysia', Kod Projek : 2023/P/GPIU/GPM-008

7. Rujukan

- Abd Hadi, B. (2018). Media baharu dan impak terhadap dakwah. *Sains Humanika* 10 (3-4), 51-60.
- Abdullah, Z., & Salleh, H. (2016). Social Media as a Marketing Tool for Malaysian Entrepreneurs. *Malaysian Journal of Business and Economics*, 3(1), 45-58.
- Anis Nur Athira, A., Raudhatul Jannah, A., Nurdamia Khalida, K., & Syed Najihuddin, S. H. (2022). Media sosial sebagai platform penyampaian dakwah: Implikasinya terhadap remaja. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022) JUN 2022*. http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak7/eprosiding2022/PASAK7_046_ANIS.pdf.
- Arwansyah, K., Nik Kamal, W. M., Ahmad Hamidi., & Muhammad Deni, P. (2023). Pengaruh media social terhadap insomnia dalam kalangan pelajar UTHM Pagoh. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), 115- 127.
- Boyd, D. (2006, Disember). Friends, Friendster and top 8: writing community into being on social network sites. *First Monday*, Jil 11, Bil. 12.
- Harian Metro. (2023, 13 Februari). 197 Kandungan Media Sosial Langgar Etika Diturunkan. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/935851/197-kandungan-media-sosial-langgar-etika-diturunkan-metrotv>.
- <https://www.kkd.gov.my/en/public/news/20226-malaysia-ada-28-juta-pengguna-media-sosial>, 14 February 2024

- <https://www.oxfordreference.com/display/10.1093/oi/authority.20110803100515404>, 12 February 2024
- Lim, C. S., & Mahmud, Z. (2015). Social Media and Its Influence on Creative Talent in Malaysia. *International Journal of Innovation and Creative Design*, 1(1), 10-22.
- Mega Ardina. (2021). Pengaruh tayangan pornografi di media sosial terhadap perilaku pelecehan seksual pada remaja di Yogyakarta. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 4(2), 218-231.
- Muhammad Aidil Fikri (2023). Penggunaan Media Sosial sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Jurnal Perspektif*, Jil 15, Special Issues 24-37.
- Mutiah, Transformasi Komunikasi Interpersonal di Era Digital Sebagai Bentuk Perilaku Kekinian Naquiah Nahar, Sahrnizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli, & Abdul Hafiz Abdullah. (2018). Impak negatif teknologi moden dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, (5), 187-199.
- Nuhamizah Hshim, Asbah Razali (2019). Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibubapa dan Anak-anak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4) 2019: 337-352.
- Nurul Afiza, Noor Hera & Kamarul Azmi, J. (2019). Media sosial dan impak negatif menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia (SSTM 19) 15 Disember 2019*.
- Osman, M. N., & Halim, H. A. (2020). Fake News and Its Impact on Public Perception in Malaysia. *Asian Journal of Communication*, 30(1), 85-101.
- Othman, N. M., & Rahman, A. (2014). Social Media's Influence on Political Awareness in Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*, 15(2), 91-107.
- Pengguna Medsos, (Surabaya: Universitas Negeri Surabaya, 2016) ms:5.
- Shahibudin, S. H., & Fadzil, N. H. (2017). Social Media and its Impact on Relationships: A Study in Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 33(2), 15-29.
- Siti Ezaleila (2016). Penggunaan Laman Sosial dan impaknya terhadap hubungan persahabatan dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2): 65-81
- Tillema, T., Dijst, M., & Schwanen, T. (2010). Face-to-face and electronic communications in maintaining social networks: The influence of geographical and relational distance and of information content. *New Media & Society*, 12(6), 965-983.
- Yang, C., Brown, B.B. & Braun, M. T. (2013). From Facebook to cell calls: Layers of electronic intimacy in college students' interpersonal relationships. *New Media & Society* 16 (1): 5-23. Doi 10.1177/1461444812472486
- Yusof, N. A., & Ismail, R. (2019). Social Media's Role in Mental Health Awareness in Malaysia. *Malaysian Journal of Psychology*, 4(2), 87-101.
- Yusof, N. H., & Abu, S. (2016). The Impact of Social Media on Learning in Malaysia. *Asian Journal of Education and Training*, 2(1), 1-7.